



اُيْتِمُ تِكْنُولُوجِي مَارَا  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

# BULETIN UNIT RESIDENSI & HOSPITALITI PELAJAR

*UITM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN  
KAMPUS SEREMBAN*

---

EDISI 2  
APRIL 2025

---

U  
R  
H  
P

UiTM *di hatiku*

اوسمها تقوى موليا

# SAFETY ACKNOWLEDGEMENT

*Mohamad Aliff Suhaimi, Muhammad Zulhilmi Zulkifli & Mohd Fakarul Radzi Mahadi*



UiTM Kampus Seremban – Pada 8 Januari 2025, Rabu lalu telah berlangsungnya sebuah program yang diberi nama Safety Acknowledgement: Kesan Kefahaman Ekstremisme dan Jihad dalam Kalangan Mahasiswa. Program yang dilaksanakan bermula jam 8.00 malam hingga 11.00 malam ini telah berjaya dilaksanakan dengan berkonsepkan santai tapi sampai kepada lebih seramai 130 orang audien pada malam itu. Jemputan utama VIP pada malam tersebut iaitu Ydh. Inspektor Mohd Faizal bin Mat Sani, merupakan seorang Inspektor Unit Cawangan Khas Counter Terrorism (E8) Ibu Pejabat Polis Kontinjen Negeri Sembilan, diiringi dua orang pegawai pengiring beliau yang turut di unit yang sama. Program ini turut dimeriahkan lagi dengan kehadiran Tn. Fakarul Radzi bin Mahadi selaku penasihat program dan juga Puan Saflina bt Azis selaku jemputan khas.

Program yang menelan belanja sebanyak RM 640.00 ini dengan kelulusan HEP, telah berjaya dilaksanakan dengan jumlah sasaran audien seramai 130 orang sahaja yang dibenarkan masuk. Majoriti penglibatan adalah daripada fakulti FSPPP diikuti Fakulti FSKM dan Fakulti FSR. Hal ini jelas menunjukkan minat mahasiswa terhadap topik sensasi ini yang juga amatlah signifikan dengan situasi negara kini. Sejumlah 28 orang AJK digerakkan bagi memastikan kelancaran program ini. Sekretariat Jawatankuasa Perwakilan Kolej (SJPK) sesi 2024 juga turut sama dilibatkan dalam program ini. Penglibatan SJPK dalam program berbentuk formal ini sekaligus dapat menerapkan ilmu yang sudah disediakan dalam Siri Kompetensi Ahli Jawatankuasa Program anjuran Exco dan Sekretariat Korporat dan Perhubungan Luar. Melalui penglibatan ini juga dapat memberi gambaran tepat dan menyeluruh berkenaan prosedur pelaksanaan program berbentuk sebegini.



Sesi menandatangani buku pelawat juga turut disediakan bagi memenuhi elemen formaliti dalam program ini. Sesi ini telah disempurnakan oleh di hadapan Dewan Kuliah Tok Puan Sungei Ujong 1 (TPSU 1) Sesi ini amatlah signifikan dan penting dalam mendokumentasikan penglibatan jemputan luar dalam program seperti ini. Ia juga membawa panji simbolik terhadap permulaan hubungan di antara UiTM dan Ibu Pejabat Polis Kontinjen Negeri Sembilan terutama bersama Unit Cawangan Khas Counter Terrorism (E8) ini.

Sesi ceramah dimulakan oleh tetamu jemputan Ydh. Inspektor Faizal Mat Sani yang membawa tajuk Kesan Kefahaman Ekstremisme dan Jihad dalam Kalangan Mahasiswa. Tajuk ini bertepatan dengan jawatan serta pengalaman beliau di Unit Cawangan Khas Anti Pengganas. Selain berkongsi input – input menarik dan penting, beliau juga memasukkan elemen cuplikan tayangan video berkenaan gerak kerja unit ini kepada audien.



Berikutnya diteruskan lagi dengan penyampaian cenderamata iaitu plak penghargaan sebagai simbolik rasmi program. Sesi ini telah disempurnakan oleh Penasihat Program, Tn. Fakarul Radzi sebagai wakil UiTM kepada jemputan khas Ydh. Inspektor Faizal bin Mat Sani. Sampul honorarium juga turut disediakan bagi sesi ini.



Seterusnya, sesi bergambar di perkarangan PKP bersama jemputan khas, Inspektor Faizal bin Mat Sani diiringi pegawai pegawai pengiring beliau dan juga Tn. Fakarul Radzi. Sesi ini disajikan agar dapat memberi peluang kepada barisan AJK program untuk bertemu mata secara lebih dekat bersama Inspektor Faizal. Beliau sempat berkongsikan pelbagai input menarik yang tidak beliau sampaikan kepada audien kepada AJK program. Semoga segala ilmu dan tunjuk ajar ini dapat memberi seribu satu manfaat.



Tidak dilupakan juga sesi bergambar bagi kesemua perwira yang bertungkus lumus dalam menjayakan program Safety Acknowledgement ini. Segala pengorbanan dan komitmen yang diberikan ini diharap dapat diteruskan di masa hadapan. Segala idea, ilmu-ilmu,serta cadangan penambahbaikan diharap juga dapat dijadikan pedoman dalam sanubari setiap AJK program. Akhir Kalam, Selamat Maju Jaya JPK sesi seterusnya!!Assalamualaikum w.b.t. Sekian.